


MENINDIK DI BAHAGIAN KULIT YANG LAIN UNTUK MEMAKAI PERMATA ATAU PERHIASAN

Jika hidung atau bahagian anggota badan yang lain hendak ditindik, maka satu jarum pakai buang yang suhama (disposable) hendaklah digunakan dan dibuang dengan selamat selepas digunakan.

MAKLUMAT AM

- 1) Luka pada tangan anda
Balut luka pada tangan anda dengan pembalut luka yang kalis air seperti elastiplast dan lain-lain sebelum anda mula bekerja. Jika anda terluka semasa bekerja, baringkan darah mengalir di bawah air paip dan balut luka tangan dengan pembalut kalis air setelah pendarahan berhenti.

Jika kulit pelanggan anda terluka, keset darah dengan kain kasa yang bersih dan buang ke dalam tong sampah. Elakkan diri anda dari tersentuh dengan darah atau kain kasa yang dikeset darah tadi.



- 2) Pembuangan alat-alat tajam
Alat-alat yang tajam seperti jarum dan lain-lain hendaklah diletakkan atau dibuang pada tempat yang selamat supaya tidak mencederakan petanggan anda.

- 3) Amalan-amalan yang berbeдах
Selalu membasuh tangan anda dengan air dan sabun setelah selesai membuat tindik telinga. Peralatan-peralatan yang digunakan seperti alat penembak hendaklah dicuci sekurang-kurangnya dengan spirit pembeclahan selepas digunakan.

MAKLUMAT LANJUT

Jika anda perlukan nasihat seterusnya, sila hubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pusat-pusat Kesihatan yang berhampiran dengan tempat anda.

AIDS



GARIS PANDUAN UNTUK
TUKANG TINDIK TELINGA

KEJAHILAN PUNCA MAUT

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
"Kami memeringankan Kesihatan anda"

AIDS - BAGAIMANA IA BERJANGKIT

AIDS adalah penyakit yang disebabkan oleh virus HIV di mana ia memusnahkan daya ketahanan badan seseorang untuk melawan jangkitan penyakit lain.

AIDS boleh berjangkit melalui tiga cara sahaja:

- i) melakukan perhubungan seks dengan orang yang telah dijangkiti oleh virus HIV.
- ii) pemindahan darah yang mengandungi HIV daripada pesakit atau pembawa AIDS kepada seseorang lain.
- iii) daripada ibu yang telah dijangkiti virus HIV kepada anak yang di dalam kandungannya.

RISIKO AIDS DAN KAITANNYA DENGAN PEKERJAAN ANDA

Risiko jangkitan AIDS di dalam pekerjaan anda adalah tipis. Sehingga ini, tiada seorangpun pernah diketahui mendapat jangkitan virus HIV melalui proses tindik telinga.

Bagaimanapun, pekerjaan anda mungkin melibatkan pemindahan darah daripada seseorang kepada

seorang yang lain dengan cara yang tidak dibenarkan.

Oleh itu, untuk kepentingan anda dan pelanggan anda peraturan yang selamat perlulah diikuti untuk memastikan supaya jangkitan penyakit termasuk AIDS tidak berlaku di dalam pekerjaan anda.



A PABILA MENJUAL ANTING-ANTING

Tidak ada kes AIDS yang pernah diketahui disebarkan melalui 'mencuba' anting-anting untuk telinga yang telah ditindik. Bagaimanapun, anting-anting yang telah di 'cuba' hendaklah dicuci (wipe) dengan spirt pembedahan sebelum di 'cuba' oleh pelanggan lain.

SISTEM MENINDIK TELINGA PERLU DIKUTI

- Gunakan sistem tembok yang direka untuk melindungi alat penembak dari jangkitan dan gunakan paku telinga dan kancing belakang telinga yang telah disucihama terlebih dahulu.

